



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN KOS SARA HIDUP

## Keratan Akhbar

### Berita Online

i

24 JAM

# BERITA

# KPDN

## KERATAN AKHBAR & BERITA ONLINE

### Untuk makluman:

- |                       |                     |
|-----------------------|---------------------|
| ● YB Menteri          | ● YBhg. TKSU (PPDN) |
| ● YB Timbalan Menteri | ● YBhg. TKSU (PP)   |
| ● YBhg. KSU           | ● Setiausaha Akhbar |

Tarikh: 14 OGOS 2024



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN KOS SARA HIDUP

# KERATAN AKHBAR

## KPDN

# Lori bawa gula, minyak masak untuk diseludup disita KPDN

**TUMPAT:** Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarawak Hidup (KPDN) Kelantan menyita sebuah lori membawa muatan gula dan minyak masak dipercayai untuk diseludup ke negara jiran dalam serbuan ke atas sebuah rumah di Kampung Bechah Resak, Cabang Empat di sini, kelmarin.

Serbuan pukul 6.10 petang itu dilakukan dengan kerjasama Pasukan Polis Marin (PPM)

Wilayah Tiga.

Pengarahnya, Azman Ismail berkata, hasil pemeriksaan membawa kepada penemuan 221 kilogram (kg) minyak masak peket bernilai RM552.50 dan gula pasir seberat 1,488 (kg).

“Kes disiasat di mengikut Seksyen 21 Akta Kawalan Bekalan 1961 kerana memiliki barang kawalan dengan niat untuk melakukan kesalahan.

“Operasi bersepada ini meru-

pakan usaha berterusan pihak berkuasa dalam memastikan barang bersubsidi tidak diselaweng atau diseludup keluar negara,” katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia* di sini, semalam.

Azman menggesa orang ramai untuk menyalurkan maklumat jika terdapat sebarang kegiatan penyelewengan atau penyeludupan barang kawalan di kawasan mereka.

## Two Filipinos jailed for illegal possession of controlled items

**Azmie Lim**

SEMPORNA: Two Filipinos were sentenced to 12 months each for illegally possessing controlled items.

The accused, Manan Ahmad, in his 30s, and Roslan Gapul, in his 50s, pleaded guilty before Tawau Sessions Court Judge Rosli Ahmad on Tuesday.

They were found guilty of committing the offence under Section 20(1) of the Control of Supplies Act 1961, punishable under Section 22(1) of the same Act.

The court also ordered both to be referred to the Immigration Department upon completing their sentence for further action.

Semporna Domestic Trade and Cost of Living Ministry (KPDN) Chief Enforcement officer, Dr Jong Jee Leong, said the two accused were detained separately off Pulau Boheyen and Pulau Timba-Timba by the General Operation Force (GOF) team, before handing them over to KPDN for further action.

He said the accused did not possess identification documents and were found in possession of a total of 1,050 litres of petrol in 42 jerry cans on boats believed to



**The two accused at the court yesterday.**  
be smuggled out to the neighbouring country.

Both of them did not also possess any licence for the controlled goods.

"KPDN Semporna will not compromise on activities involving the controlled items and will continue to increase enforcement to curb illegal activities involving controlled items," he added.

## Dua rakyat Filipina miliki barang kawalan dipenjara

Azmie Lim

SEMPORNA: Dua warga Filipina masing-masing dijatuhi hukuman penjara 12 bulan kerana memiliki barang kawalan secara haram.

Tertuduh, Manan Ahmad, 30an, dan Roslan Gapul, 50an, mengaku bersalah di hadapan Hakim Mahkamah Sesyen Tawau Rosli Ahmad pada Selasa.

Mereka didapati bersalah melakukan kesalahan itu di bawah Seksyen 20(1) Akta Kawalan Bekalan 1961, boleh dihukum di bawah Seksyen 22(1) Akta sama.

Mahkamah turut memerintahkan kedua-duanya dirujuk ke Jabatan Imigresen selepas selesai menjalani hukuman mereka untuk tindakan lanjut.

Ketua Penguatkuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarawak Hidup (KPDN) Semporna, Dr Jong Jee

Leong, berkata kedua-dua tertuduh ditanah secara berasingan di Pulau Boheyen dan Pulau Timba-Timba oleh pasukan Pasukan Gerakan Am (PGA), sebelum diserahkan kepada KPDN untuk tindakan selanjutnya.

Beliau berkata, tertuduh tidak memiliki dokumen pengenalan diri dan didapati memiliki sejumlah 1,050 liter petrol dalam 42 jerikin di atas bot dipercayai untuk diseludup keluar ke negara jiran.

Kedua-dua mereka juga tidak memiliki sebarang lesen untuk barang kawalan itu.

"KPDN Semporna tidak akan berkompromi dengan aktiviti membabitkan barang kawalan dan akan terus meningkatkan penguatkuasaan bagi membendung aktiviti haram membabitkan barang kawalan," katanya.



KEDUA-DUA tertuduh ketika di mahkamah.



The two accused at the Tawau Sessions Court.

## Two Filipinos jailed for possessing controlled items

**SEMPORNA:** Two Filipino men were jailed by the Tawau Sessions Court on Tuesday for possessing controlled items without proper documentation.

Tawau Sessions Court judge Rosli Ahmad handed out 12 months imprisonment for Manan Ahmad and Roslan Gapul for possessing 1,050 liters of petrol, an offence under Section 20 (1) of the Supply Control Act 1961, punishable under Section 22 (1) of the same Act.

Rosli also ordered both the accused to be referred to the Immigration Department for further action after they complete

their sentences.

The two accused were arrested by the General Operations Force after they were stopped from smuggling the controlled items to a neighbouring country in the waters of Boheyen Island and Timba-Timba Island in Semporna.

Meanwhile, the Ministry of Domestic Trade and Cost of Living (KPDN) Semporna Branch said it will step up enforcement to check smuggling of controlled goods.

Semporna KPDN prosecuting officer Delmansyah Syarifuddin prosecuted the case.



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN KOS SARA HIDUP

# KERATAN AKHBAR AGENSI



UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

## Kerajaan diminta salur bantuan, sediakan food bank

**PENGERUSI** Persatuan Penjaja dan Peniaga Kecil Melayu Kedah Cawangan Kota Setar, Mohd Kholid Hamid menyarankan kepada kerajaan negeri atau Persekutuan supaya menyediakan bantuan makanan kepada penjaja dan peniaga kecil yang terjejas.

Menurutnya, terdapat se-ramai kira-kira 5,000 penjaja dan peniaga yang berdaftar serta tidak berdaftar di Alor Setar dan hampir semuanya berada dalam kategorinya B40.

"Golongan ini meraih pen-

dapatan harian hasil perniagaan yang dijalankan dan kadang-kadang hasilnya tidak menentu.

"Dengan keadaan ekonomi yang suram hari ini, sebenarnya ramai yang tidak mampu lagi menyerap kenaikan harga barang.

"Ada dalam kalangan mereka sudah terputus pendapatan kerana tidak lagi berniaga dan mereka



MOHD KHLID

ini wajar diberikan bantuan atau disediakan *food bank* oleh pihak berwajib untuk meneruskan kehidupan," katanya.

Jelas Mohd Kholid, bantuan makanan, geran mahupun kewangan khas wajar diperlumbangkan supaya mereka yang terjejas dapat kembali bernafas dan meneruskan perniaga-

an.

Menurutnya, Persatuan Penjaja dan Peniaga Kecil Melayu Kedah bersedia untuk membantu pusat khidmat wakil rakyat menyalurkan maklumat mengenai peniaga-peniaga kecil yang terjejas dan ditimpa misibah seperti kemalangan atau menghidap penyakit yang tidak membolehkan serta menyukarkan mereka untuk berniaga.

"Kerajaan negeri atau pusat juga boleh beri dana khas seperti suntikan modal atau geran RM500 sehingga RM1,000 kepada peniagaan mereka yang tidak

daftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) serta betul-betul layak," katanya.

Tambahnya, ramai penjaja dan peniaga kecil mengeluh dan meluahkan rintihan mereka terhadap situasi semasa dan perniagaan mereka yang tidak memberangsangkan ketika ini.

"Dulu hari-hari buka kedai sebab seronok ramai pelanggan datang membeli, tapi sekarang sekarang dalam seminggu ada yang sampai tiga hari tidak buka kedai sebab tiada pelanggan," ujarnya.



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN KOS SARA HIDUP

# **BERITA ONLINE**

## **KPDN & AGENSI**



UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

BERITA ONLINE BERTARIKH 14 OGOS 2024			
TARIKH	TAJUK	PAUTAN	MEDIA
14-Aug	Lori bawa muatan gula, minyak masak untuk penyeludupan disita	<a href="https://www.utusan.com.my/berita/2024/08/lori-bawa-muatan-gula-minyak-masak-untuk-penyaludupan-disita/">https://www.utusan.com.my/berita/2024/08/lori-bawa-muatan-gula-minyak-masak-untuk-penyaludupan-disita/</a>	UTUSAN MALAYSIA
14-Aug	Rasuah rugikan segenap lapisan masyarakat	<a href="https://www.sinarharian.com.my/article/679932/khas/rasuah-busters/rasuah-rugikan-segenap-lapisan-">https://www.sinarharian.com.my/article/679932/khas/rasuah-busters/rasuah-rugikan-segenap-lapisan-</a>	SINAR HARIAN
14-Aug	Syarikat kuari didenda RM57,000, miliki 12,175 liter diesel tanpa kebenaran	<a href="https://www.astroawani.com/berita-malaysia/syarikat-kuari-didenda-rm57000-miliki-12175-liter-diesel-tanpa-">https://www.astroawani.com/berita-malaysia/syarikat-kuari-didenda-rm57000-miliki-12175-liter-diesel-tanpa-</a>	ASTRO AWANI
14-Aug	Quarry company fined RM57,000 for keeping diesel without authorisation	<a href="https://thesun.my/local-news/quarry-company-fined-rm57000-for-keeping-diesel-without-authorisation-HO12851699">https://thesun.my/local-news/quarry-company-fined-rm57000-for-keeping-diesel-without-authorisation-HO12851699</a>	THE SUN
14-Aug	Pengendali tarik diri jika lesen media sosial dilaksanakan - Syed Ibrahim	<a href="https://www.sinarharian.com.my/article/680094/berita/nasional/pengendali-tarik-diri-jika-lesen-media-sosial-dilaksanakan---syed-ibrahim">https://www.sinarharian.com.my/article/680094/berita/nasional/pengendali-tarik-diri-jika-lesen-media-sosial-dilaksanakan---syed-ibrahim</a>	SINAR HARIAN
14-Aug	Inovasi Flipcard bantu calon STPM kuasai subjek Pengajian Am	<a href="https://sinarbestari.sinarharian.com.my/guru-komuniti/inovasi-flipcard-bantu-calon-stpm-kuasai-subjek-pengajian-">https://sinarbestari.sinarharian.com.my/guru-komuniti/inovasi-flipcard-bantu-calon-stpm-kuasai-subjek-pengajian-</a>	SINAR BESTARI